

TARIKH : 2 MEI 2016
AKHBAR : SINAR HARIAN
(PORT DICKSON)

M/S : 41

TAJUK : [TELOK KEMANG]
SEGAJA BURUKKAN NAMA MPPD

Sengaja burukkan nama MPPD

YDP kecewa pihak sebar viral kononnya penguat kuasa bertindak kasar terhadap peniaga Melayu

PORT DICKSON – Kecoh di laman sosial kononnya penguat kuasa Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) bertindak kasar terhadap peniaga Melayu di kawasan Pantai Saujana Batu 4 Port Dickson.

Kejadian dipercayai berlaku pada malam 29 April lalu, sebelum ada pihak tidak bertanggungjawab membuat viral perkara tersebut dengan penjelasan ataupun ulasan yang salah.

Yang Dipertua MPPD, Datuk Ab Khalid Mat berkata, dalam kejadian itu, penguat kuasa MPPD terlebih dahulu telah menasihati dengan berhemah dua peniaga agar mereka tidak menjalankan perniagaan di kawasan parkir awam.

Menurutnya, penguat kuasa MPPD juga telah meminta peniaga tersebut berpindah ke kawasan perniagaan dihaskan iaitu di Tapak Khas Penjaja Bergerak bersebelahan Tapak

Exo Bumiputera Mara

Pantai Saujana Batu 4.

“Namun peniaga tersebut tidak mengikut nasihat dan berkeras berniaga di parkir awam, MPPD kemudiannya menyita bahan kering peniaga tersebut dan mengembalikan semula bahan jualan basah.

“Proses penguat kuasa berkenaan berjalan dengan lancar, namun perkara ini menjadi tegang dan viral di laman sosial apabila ia ditimbulkan oleh sebuah NGO (badan bukan kerajaan),” katanya.

Ab Khalid berkata, sebenarnya, isu penjaja bergerak telah diselesaikan melalui beberapa perbincangan antara penjaja bergerak dengan MPPD beberapa bulan lalu.









AB KHALID

“Daripada laman penjaja bergerak yang beroperasi di parkir awam Pantai Saujana hanya dua peniaga sahaja yang tidak mahu bekerjasama untuk berpindah ke Tapak Khas Penjaja Bergerak.

“Adalah sangat mengecewakan apabila ada NGO yang mengambil ke-

sempatan mengapi-apikan perkara ini,” katanya.

Ab Khalid menambah, adalah tidak wajar parkir awam untuk pelancong yang datang ke pantai ini digunakan untuk tapak perniagaan sedangkan MPPD telah menyediakan tapak khas penjaja bergerak yang juga sangat berhampiran dengan tapak parkir awam itu.



Tindakan MPPD yang melakukan penguat kuasa kepada peniaga ingkar diviralkan dengan ulasan yang salah di laman sosial.